

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/3 Jld. 2(33)

13 Mac 2025
12 Ramadhan 1446

PEKELILING BENDAHARI BIL. 01/2025

PELAKSANAAN KUTIPAN WANG TANPA TUNAI (CASHLESS) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERMULA 01 MEI 2025

Dimaklumkan bahawa, semua **transaksi kutipan/terimaan hasil** di universiti hendaklah berasaskan **tanpa tunai (cashless)** mulai **01 Mei 2025**. Selari dengan misi pendigitalan pengurusan kewangan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) diminta untuk menggunakan platform bayaran dalam talian universiti atau pindahan ke akaun bank universiti, bagi semua transaksi terimaan/kutipan hasil.

2. Perubahan mod kutipan/terimaan wang ini dilaksanakan untuk meningkatkan keselamatan, ketelusan, dan efisiensi dalam pengurusan kewangan terutamanya kutipan hasil universiti dan mengikut tempoh kredit yang ditetapkan.
3. Dengan ini, **Ketua PTJ dikehendaki menyebarkan maklumat ini kepada semua staf** di PTJ masing-masing **serta memaklumkan kepada pelanggan**. Langkah ini adalah untuk memastikan peralihan ke kutipan tanpa tunai berjalan lancar dan memberikan tempoh penyesuaian yang mencukupi kepada semua pihak sebelum 01 Mei 2025.
4. Selaras dengan itu, disertakan di sini soalan lazim pelaksanaan ke arah kampus tanpa tunai (cashless) seperti di **Lampiran 1**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH @ AHMAD)

Bendahari

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

LAMPIRAN 1**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JABATAN BENDAHARI****SOALAN LAZIM PELAKSANAAN KUTIPAN WANG TANPA TUNAI (CASHLESS)
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERMULA 01 MEI 2025**

NO	SOALAN	JAWAPAN
UMUM		
1	Apakah tujuan pelaksanaan kutipan wang tanpa tunai (<i>cashless</i>) ini dilakukan?	Pelaksanaan kutipan tanpa tunai (<i>cashless</i>) ini bertujuan meningkatkan keselamatan, ketelusan, dan kecekapan dalam pengurusan kewangan, selain menyokong enVision UTM 2025.
2	Bilakah pelaksanaan kutipan tanpa tunai ini?	Pelaksanaan ini berkuat kuasa mulai 01 Mei 2025 .
3	Apakah faedah menggunakan kutipan/terimaan wang tanpa tunai ini?	Faedah kutipan/terimaan wang tanpa tunai ialah: <ol style="list-style-type: none">Kemudahan: Membolehkan pelanggan membuat bayaran dengan cepat, mudah, dan tersedia 24 jam sehari.Keselamatan: Mengurangkan risiko penipuan, kehilangan, dan kebocoran tunai.Ketelusan: Setiap transaksi direkodkan dalam sistem atau penyata bank, memudahkan pemantauan kewangan.Kecekapan: Memendekkan proses kerja semakan dan perekodan transaksi dalam penyata kewangan universiti.
4	Adakah semua transaksi hasil universiti wajib beralih kepada kutipan tanpa tunai mulai 01 Mei 2025?	Ya, semua transaksi kutipan/terimaan Hasil Universiti mesti dilakukan melalui platform bayaran dalam talian universiti.

NO	SOALAN	JAWAPAN
5	Apakah platform bayaran dalam talian sedia ada Universiti?	<p>Berikut adalah beberapa platform bayaran dalam talian sedia ada Universiti:</p> <p>A. Hasil Pelajar</p> <p>i. Portal MyUTM / UTMSmart Apps (menu Financial Status) Kutipan yuran pengajian semester, yuran asrama, yuran viva dan sebagainya bagi pelajar kanan</p> <p>ii. Portal MyProspect Kutipan yuran pengajian semester pertama bagi pelajar baharu.</p> <p><i>Nota: Hasil Pelajar telah beralih ke kutipan tanpa tunai sepenuhnya sejak tahun 2020.</i></p> <p>B. Sumbangan/Derma/Tajaan</p> <p>Portal UTM Fundraising / UTMSmart Apps (menu Charity) Kutipan sumbangan / derma / tajaan daripada pihak dalaman dan luaran UTM.</p> <p>C. Hasil Umum</p> <p>Portal UTM PayHub Kutipan pelbagai hasil umum universiti seperti yuran konferens/seminar, yuran kursus/latihan, analisa sampel, sewaan ruang, sewaan peralatan, yuran tadika, yuran/caj aktiviti pengkormesialan, dan sebagainya.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
6	Adakah PTJ tidak boleh lagi melaksanakan kutipan Hasil Umum di PTJ selepas ini?	<p>Ya, tiada lagi kutipan tunai di PTJ.</p> <p>Pelanggan boleh membuat bayaran melalui portal PayHub atau pindahan bank ke akaun bank universiti.</p> <p>Sila rujuk soalan no. 11 untuk panduan mewujudkan kutipan PayHub oleh PTJ dan soalan no. 22 untuk panduan membuat pindahan ke akaun bank universiti.</p>
7	Apakah tindakan PTJ bagi melaksanakan perubahan ini?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua kutipan tunai sehingga tarikh 30 April 2025 diserahkan kepada Jabatan Bendahari sebelum atau pada 06 Mei 2025 (Selasa) jam 11.00 pagi. 2. Semua PTJ perlu memaparkan notis pelaksanaan kutipan tanpa tunai di UTM, terutamanya PTJ yang mempunyai pelanggan luar UTM. 3. Meminda mod kutipan hasil dari tunai ke platform bayaran dalam talian di borang dan dokumen PTJ.
8	Selepas 01 Mei 2025, adakah PTJ masih boleh menjadi Resit PTJ dan Pindahan Wang di UTMFin?	Selepas 01 Mei 2025, menu Resit PTJ ditutup sepenuhnya kepada semua PTJ. Manakala menu Pindahan Wang ditutup pada 07 Mei 2025.
9	Pelanggan telah memberikan Cek atau Bank Draf untuk membuat bayaran ke UTM. Apakah yang perlu PTJ lakukan?	<ol style="list-style-type: none"> 1. PTJ memastikan Cek dan Bank Draf dibayar atas nama "Bendahari UTM" dan tarikhnya masih dalam tempoh sah laku (6 bulan). 2. PTJ menghubungi pembayar untuk memulangkan Cek atau Bank Draf yang telah tamat tempoh sah laku atau nama tidak tepat, dan meminta pembayar mengemukakan Cek atau Bank Draf yang baharu. 3. PTJ menghantar Cek atau Bank Draf tersebut ke kaunter Unit Terima bersama surat iringan mengandungi maklumat berikut:

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<p>a. Nama Pelanggan b. Alamat Pelanggan c. E-mel Pelanggan d. Pusat Kos/Tabung/Chargeline e. Tujuan Bayaran</p> <p>4. Unit Terimaan akan menyediakan Resit Rasmi UTM setelah Cek atau Bank Draf berjaya ditunaikan di akaun bank universiti.</p> <p>5. Unit Terimaan menghantar Resit Rasmi UTM kepada Pelanggan melalui e-mel yang didaftarkan (seperti perkara 3(c) di atas) dan PTJ turut disalinkan (cc). Sekiranya tiada alamat e-mel, Resit Rasmi UTM akan dihantar melalui pos.</p>
10	Adakah UTM menyediakan DuitNow QR yang membolehkan pelanggan membuat pembayaran melalui aplikasi perbankan mereka?	<p>Maaf, buat masa ini UTM tidak menyediakan DuitNow QR.</p> <p>Namun, Jabatan Bendahari telah membenarkan penggunaan terminal kad debit/kredit bagi beberapa PTJ yang mempunyai volum jualan/hasil yang tinggi serta mempunyai pelanggan luar yang ramai.</p>
PORTAL PAYHUB		
11	i) Bagaimanakah prosedur permohonan untuk mewujudkan kutipan di PayHub oleh PTJ? ii) Bagaimanakah cara-cara membuat bayaran menggunakan PayHub oleh Pelanggan? iii) Apakah soalan lazim(FAQs) berkaitan PayHub?	<p>Sila scan QR atau klik pautan di bawah untuk panduan PayHub.</p> <p>https://qrco.de/bfoo3B</p>  <p>https://qrco.de/bfoo3B</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
12	Apakah kaedah pembayaran yang ditawarkan oleh portal PayHub?	<p>Kaedah pembayaran yang ditawarkan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FPX (<i>local internet banking</i>) 2. Kad Debit/Kredit (Visa / Master Card) 3. Flywire: Platform yang memudahkan pelanggan antarabangsa membuat pembayaran dari negara mereka dan dalam mata wang negara mereka. Kaedah yang ditawarkan termasuk pindahan bank (dalam talian atau di kaunter bank), Kad Debit/Kredit Visa, MasterCard, AMEX, e-wallet atau apa-apa kaedah bayaran yang tawarkan di sesuatu negara.
13	Bolehkah Pelajar membuat bayaran yuran pengajian atau yuran/caj/dendaan di akaun pelajar mereka menggunakan PayHub?	<p>Tidak boleh.</p> <p>Pelajar hendaklah menggunakan portal MyUTM atau UTMSmart Apps > menu Financial Status.</p>
14	Adakah Pelanggan boleh membuat bayaran Bil Tuntutan / Invois UTMFin di PayHub ini?	<p>Tidak boleh.</p> <p>PayHub tidak berintegrasi dengan menu Bil Tuntutan UTMFin dan sebarang pembayaran bil tuntutan hendaklah dibuat menggunakan kaedah bayaran yang dinyatakan di dalam Bil Tuntutan tersebut.</p>
15	Bolehkah portal PayHub ini digunakan untuk mendapatkan sumbangan/derma/tajaan daripada pihak dalaman dan luaran UTM bagi sesuatu program/aktiviti PTJ?	<p>Tidak boleh.</p> <p>Sebarang sumbangan/derma/tajaan bagi mengadakan program /aktiviti anjuran pusat tanggungjawab/persatuan staf/persatuan pelajar daripada pihak dalam dan luar UTM hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).</p> <p>Selepas kelulusan diperolehi, sumbangan/derma/tajaan tersebut boleh dimohon untuk disenaraikan di portal Fundraising (portal <i>payment online</i> sumbangan UTM).</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Sebarang pertanyaan, urusetia boleh dihubungi seperti maklumat berikut:</p> <p>Emel: p-yusofb@utm.my Emel: pemajuan@utm.my Emel: brbaha@utm.my</p>
16	Bolehkah kutipan/terimaan hasil program/aktiviti PTJ, dari PayHub ini disalurkan secara terus ke ke akaun bank mana-mana anak syarikat UTM (e.g UTSB, UTMSpace, etc)?	<p>Tidak boleh.</p> <p>Kutipan/terimaan hasil di PayHub akan didepositkan ke akaun bank UTM dan akan direkodkan ke lejar kewangan pusat kos/tabung/<i>chargeline</i> PTJ sahaja.</p>
17	Bolehkah deposit (<i>refundable</i>) daripada Pelanggan dibayar menggunakan PayHub?	<p>Boleh dengan syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Deposit bukan untuk hasil kontrak 2. Deposit dikutip untuk aktiviti/program berdurasi kurang 3 bulan. <p>PTJ bertanggungjawab menguruskan pemulangan deposit ke pelanggan mengikut prosedur bayaran universiti.</p>
18	Bolehkah pelajar membuat permohonan mewujudkan bayaran di PayHub?	Tidak boleh. Hanya staf aktif UTM sahaja.
19	Apakah proses kerja seterusnya di PTJ selepas kutipan selesai diwujudkan di PayHub?	<p>Tiada.</p> <p>PTJ boleh terus membuat hebahan kepada pelanggan dan menyemak maklumat dan status kutipan/terimaan daripada pelanggan.</p>
20	Bagaimana PTJ boleh menyemak status bayaran seseorang pelanggan atau mendapatkan senarai pelanggan/pembayar bagi sesuatu program / aktiviti PTJ di PayHub?	<p>Berikut adalah cara untuk menyemak status bayaran pelanggan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Login</i> portal MyUTM 2. Pilih menu PayHub 3. Pilih menu Payment 4. Pilih menu New Application 5. Buat carian Payment Name 6. Di column “Action”, klik icon “Letter”  7. PTJ boleh memuat turun maklumat dalam format Excel dan Pdf.

NO	SOALAN	JAWAPAN
21	Bilakah kutipan/terimaan hasil PayHub ini akan direkodkan dalam lejar kewangan Pusat Kos / <i>Chargeline</i> / Tabung PTJ?	Unit Tunai, Jabatan Bendahari akan merekodkan terimaan hasil ini ke lejar kewangan pusat kos/ <i>chargeline</i> /tabung PTJ dalam tempoh 2-3 hari bekerja selepas tarikh bayaran dibuat.
PINDAHAN KE AKAUN BANK UTM		
22	Adakah kutipan/terimaan daripada pelanggan mesti dipindahkan ke akaun bank universiti sahaja, atau boleh ke akaun bank lain?	<p>Semua kutipan/terimaan mesti dimasukkan ke akaun bank universiti sahaja.</p> <p>PTJ dilarang membuka akaun bank untuk menerima hasil universiti. Semua hasil yang diterima atau dikutip mesti dimasukkan ke akaun bank universiti (melalui Jabatan Bendahari).</p>
23	Adakah dibenarkan kutipan daripada pelanggan dimasukkan ke akaun bank peribadi staf / individu / organisasi terlebih dahulu dan kemudian dipindahkan ke akaun bank UTM?	Tidak dibenarkan. Semua kutipan/terimaan hendaklah dimasukkan terus ke akaun bank universiti.
24	Bagaimana pelanggan boleh membuat pindahan wang ke akaun bank universiti?	<p>Maklumat akaun bank universiti bagi kutipan/terimaan Hasil Umum sahaja:</p> <p><u>Kampus UTM JB/Pagoh:</u></p> <p>Nama Akaun: Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Nama Bank: CIMB No. Akaun Bank: 8006053536 Kod Bank: CIBBMYKL</p> <p><u>Kampus UTM KL:</u></p> <p>Nama Akaun: Tetuan Universiti Teknologi Malaysia Nama Bank: Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun Bank: 14032010035630 Kod Bank: BIMBMYKL</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
25	Apakah proses kerja PTJ selepas pelanggan selesai membuat pembayaran melalui pindahan bank?	<p>Berikut adalah tindakan PTJ:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dapatkan bukti pembayaran daripada Pelanggan PTJ. 2. Sila emailkan bukti bayaran kepada mymariam@utm.my (UTMJB/Pagoh) atau nurliana.kl@utm.my (UTM KL) untuk semakan dan pengesahan terimaan wang tersebut di akaun bank universiti. 3. Dalam emel yang sama seperti no 2. di atas, PTJ perlu melampirkan bukti pembayaran dan berikan maklumat di bawah untuk penyediaan Resit Rasmi UTM: <ul style="list-style-type: none"> a) Nama Pelanggan b) Alamat Pelanggan c) Emel Pelanggan d) Pusat Kos/Tabung/<i>Chargeline</i> e) Tujuan Bayaran 4. Jika telah diterima, Unit Tunai akan memajukan ke Unit Terimaan untuk penyediaan Resit Rasmi UTM. 5. Unit Terimaan akan menyediakan Resit Rasmi UTM dalam tempoh 3 hari bekerja.
26	Bilakah Resit diberikan kepada pelanggan?	Unit Terimaan akan menghantar Resit Rasmi UTM melalui e-mel seperti yang didaftarkan oleh Pelanggan pada perkara 31 (3)(c) di atas. PTJ juga akan disalinkan (cc) dalam e-mel tersebut. Sekiranya tiada alamat e-mel diberikan, Resit Rasmi UTM akan di pos.

NO	SOALAN	JAWAPAN
PEMULANGAN SEMULA KEPADA PELANGGAN		
27	Pelanggan PTJ telah tersilap bayar sebanyak 2 kali atau Pelanggan layak mendapat pemulangan semula bayaran, apakah yang patut PTJ lakukan?	<p>PTJ perlu mengambil tindakan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. E-mel kepada Unit Terimaan, Jabatan Bendahari untuk menyemak status bayaran pelanggan sama ada telah selesai direkodkan ke pusat kos/<i>chargeline</i>/tabung PTJ. 2. Unit Terimaan akan memberi maklum balas kepada PTJ dalam masa 1-2 hari bekerja. 3. Sekiranya telah direkodkan, PTJ perlu menjana e-form di menu bayaran UTMFin dan mendapatkan dan menyediakan dokumen sokongan bayaran. Sila rujuk laman web Jab Bendahari (bursary.utm.my) untuk mendapatkan maklumat perhubungan Unit Bayaran, bagi sebarang pertanyaan berkaitan urusan pembayaran. 4. PTJ menghantar eform bayaran dan dokumen sokongan bayaran ke Unit Bayaran, Jabatan Bendahari. 5. Untuk mengetahui status pemproses e-form tersebut, PTJ boleh menyemak melalui menu UTMFin atau menghubungi Unit Bayaran Jabatan Bendahari. Sila rujuk laman web Jab Bendahari (bursary.utm.my) untuk mendapatkan maklumat perhubungan Unit Bayaran.
28	Berapa lamakah pelanggan akan mendapat semula bayaran?	Proses pemulangan bayaran adalah dalam masa 14 hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap dan tepat.

NO	SOALAN	JAWAPAN
LAIN-LAIN		
29	Siapakah yang boleh dihubungi bagi pertanyaan berkaitan mod kutipan wang tanpa tunai?	<p>PTJ boleh menghubungi Unit Terimaan, Jabatan Bendahari seperti berikut:</p> <p>Kampus UTM JB/Pagoh:</p> <p>Puan Lily Suriayani binti Mahadi 07 55 30897 / Lsuriayani@utm.my</p> <p>Puan Normala Binti Amat 07 53 32339 / mala@utm.my</p> <p>Puan Farah Nabila Binti Abdul Rahman 07-53 32350 / farahnabila@utm.my</p> <p>Kampus UTM KL:</p> <p>Puan Zulaika bte Mohd Isa 03-26154296 / zulaikaisa@utm.my</p> <p>Puan Nadzirah binti Johari 03-26154801 / nadzirahjohari.kl@utm.my</p>

-Tamat-

NOTIS

PELAKSANAAN KUTIPAN TANPA TUNAI (CASHLESS) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

BERKUAT KUASA 01 MEI 2025

Pusat Tanggungjawab (PTJ) UTM tidak lagi dibenarkan menerima kutipan tunai di jabatan masing-masing

Pelanggan boleh membuat pembayaran secara tanpa tunai (*cashless*) di portal UTM PayHub.

Pelanggan dinasihatkan untuk mengaktifkan kad debit, kad kredit dan perbankan dalam talian masing-masing.

Terima kasih.

Jabatan Bendahari UTM

